

# UPM dapat anugerah universiti penyelidikan terbaik

MINGGUAN MALAYSIA  
2 NOV 2008.

KUALA LUMPUR 1 Nov. – Kece-merlangan Universiti Putra Malaysia (UPM) dalam menjalankan penyelidikan dan pendidikan mendapat pengiktirafan sebagai universiti penyelidikan terbaik daripada sebuah majalah perniagaan dan teknologi berprestij.

Majalah *Technology Business Review* memilih UPM untuk memenangi anugerah bagi pencapaian cemerlang dalam Sektor Pengurusan Pendidikan ASEAN 2008 (Universiti Penyelidikan).

Anugerah disampaikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Chopard Malaysia, A. B. M. Shah Jahan kepada Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah dalam satu majlis di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya dekat sini.

Menurut kenyataan Unit Media Bahagian Komunikasi Korporat UPM, ini merupakan kali kedua UPM menerima anugerah itu setelah memenanginya tahun lepas.

Anugerah yang diperkenalkan se-

jak tahun 2006 itu diberi kepada organisasi yang cemerlang di rantau ASEAN dalam meningkatkan prestasi, inovasi, kepuasan pelanggan, pengurusan sumber manusia dan tanggungjawab sosial serta korporat, kata kenyataan itu.

Pada tahun ini, sebanyak 25 organisasi daripada 11 sektor korporat, 20 individu bagi kategori kepimpinan dan lima syarikat milik kerajaan (GLC) menerima anugerah itu.

– Bernama